

YB DR JUNAIDY RASMI MESYUARAT AGUNG PIBG KE 18 & HARI ANUGERAH CEMERLANG 2007

VISI	Menjadi Sekolah Pendidikan Khas Cemerlang Pada Tahun
MISI	Menyediakan Perkhidmatan Pendidikan Berkualiti Dan Iklim



YB Dr. Junaidy bin Abd Wahab sedang menyampaikan ucapan perasmian pada Mesyuarat Agung PIBG Ke-18 & Hari Anugerah Cemerlang 2007.

Mesyuarat Agung PIBG Ke-18 & Hari Anugerah Cemerlang 2007 telah berlangsung dengan jayanya pada hari Ahad, 27 Januari 2008. Pelbagai isu telah ditimbul dan diperjelaskan oleh banyak pihak terutamanya oleh Guru Besar SK Pendidikan Khas Batu Pahat, En Ateh bin Salim. Antaranya termasuk penerimaan elaun murid, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), aktiviti ko-kurikulum dan lain-lain.



LAGI GAMBAR DI HALAMAN 4

Ketibaan tetamu, YB Dr Junaidy bin Abd Wahab yang merupakan Ahli Parlimen Batu Pahat tepat pukul 10.30 pagi telah menandakan Majlis Hari Anugerah Cemerlang 2007 telah bermula secara rasminya disambut oleh Guru Besar, Guru-guru Penolong Kanan, Pemangku YDP PIBG, guru-

guru, staf, ibubapa dan murid-murid sekolah. Dalam ucapan perasmian, YB Dr Junaidy telah menyatakan rasa bangga dan gembiranya kerana dijemput ke sekolah ini. Banyak perkara telah beliau nyatakan dalam ucapannya, termasuk cadangan dan sokongannya terhadap aktiviti berkaitan sekolah dan pendidikan khas. Pada majlis itu, semua murid telah menerima hadiah sama ada hadiah saguhati, hadiah peningkatan, hadiah cemerlang akademik, hadiah ko-kurikulum dan lain-lain. Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan tarian dan nyanyian oleh murid-murid di bawah bimbingan guru, Cik Balqish bt Selamat. (abk)

Sidang Redaksi Buletin SpeEd SKPK Batu Pahat mengucapkan SELAMAT TAHUN BARU CINA kepada guru-guru, ibubapa dan murid-murid kaum Tionghua.

Menarik di dalam:

Perlantikan Pengawas Berjalan Lancar	2
Kewajipan Pemakaian Batik Setiap Khamis	2
8 Murid dapat Bantuan Pelajaran KPM	2
Dari Meja Guru Besar	2
Gambar-gambar sekitar Perlantikan Pengawas	3
Info SpeEd	3
Gambar-gambar sekitar Mesyuarat PIBG & Hari Anugerah Cemerlang 2007	4
Guru Baru SKPKBP	4

“Pendekatan Jibrail” intipati PT Mc-Care

Kursus PT Mc-Care telah diadakan pada 19 Januari 2008 di Dewan Muafakat SK Limpoon. Para peserta terdiri daripada guru-guru dan staf dari SK Pendidikan Khas Batu Pahat dan SK Limpoon 2. Program cetusan idea Pengarah Jabatan Pelajaran Johor, Tuan Haji Mokhy B Saidon ini bermatlamat untuk menjadikannya satu budaya dalam pengurusan perkhidmatan warga pendidikan negeri Johor dalam melonjakkan Pendidikan Negeri Johor bertaraf dunia serta mengamalkan pemikiran minda kelas pertama.

Kursus yang disampaikan oleh En Azman b Sulaiman, Guru Bimbingan SK Seri Laksana ini dirasmikan pembukaannya oleh Guru Besar SK Limpoon 2, Pn Rohana, di mana beliau telah memberikan intipati PT Mc-Care sebagai “Pendekatan Jibrail” dalam mendidik murid-murid yang menjadi amanah besar guru-guru. Penutupan kursus ini pula dilakukan oleh Guru Besar SK Pendidikan Khas Batu Pahat, En Ateh B Salim. Dalam ucapannya, beliau mengingatkan bahawa kita perlu menyesuaikan diri terhadap persekitaran, sekolah, guru, kawan, staf atau murid, sama ada kita suka atau sebaliknya. Harapannya agar semua peserta mendapat sesuatu yang bermanfaat dalam kursus tersebut. (abk)

P	: Personal
T	: Touch
M	: Motivation
c	: continously
C	: Communication
a	: appreciation
r	: recognition
e	: empathy

Perlantikan Pengawas Berjalan Lancar



Barisan Pengawas bergambar bersama pentadbir sekolah selepas majlis pertantikan.

dijalankan serentak pada hari Isnin 7 Januari 2008 beserta perhimpunan mingguan.

En Ateh bin Salim, guru besar SKPKBP telah melaksanakan majlis tersebut dengan menyampaikan ucapan dan seterusnya memakaikan tali leher kepada pengawas yang dilantik untuk sesi persekolahan tahun 2008 ini. Selain itu, upacara pembacaan ikrar oleh pengawas yang dilantik turut dilakukan

dengan dibantu oleh guru disiplin sekolah, Cik Balqish binti Selamat. (abk)

LAGI GAMBAR DI HALAMAN 3

Sepertimana kelaziman di sekolah-sekolah lain, pengawas juga tidak terkecuali peranannya dalam membantu disiplin murid di SKPKBP. Sehubungan dengan itu, satu majlis ringkas perlantikan pengawas telah

Senarai nama Pengawas SKPKBP sesi 2008

- | | |
|---------------------------------|--------------------------------------|
| ⊙ Lim Chin Sheng | ⊙ Aqlima Syairah bt. Ahmad Mahmud |
| ⊙ Muhammad Firdaus B. Baharudin | ⊙ Mohammad Afnan B. Abd Rahman |
| ⊙ Nur Fazdila Bt. Shamsudin | ⊙ Hawwa Khairunnisak Bt. Mohamed Zin |
| ⊙ Muhamad Yusof B. Adam | ⊙ Muhamad Nur Zaman B. Wagini |
| ⊙ Lim Jin Yu | ⊙ Muhd Amirul B Yusof |

8 Murid Dapat Bantuan Pelajaran KPM

Seramai 8 orang murid sekolah ini telah mendapat Sijil Bantuan Pelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) Bagi Tahun 2008. Program penyampaian sijil tersebut telah dilakukan oleh YB Dr Junaidy bin Abd Wahab, Ahli Parlimen Batu Pahat, di Dewan Seri Senggarang, Senggarang Batu Pahat pada 19 Januari 2008.

SENARAI PENERIMA DI HALAMAN 4

Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Setiap Khamis

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 telah dikeluarkan berkaitan kewajipan memakai pakaian batik oleh pegawai awam pada setiap hari Khamis, kecuali pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan

pemakaian jenis pakaian yang lain.

SIDANG RIDAKSI :

Buletin **SpeEd** Jan / Feb 2008
SK Pendidikan Khas Batu Pahat

PENGERUSI

En Ateh Bin Salim
Guru Besar SKPK Batu Pahat

NAIB PENERUSI

En Abd Rahman bin Mohd Said
Pn Hj Hn Arni bt Md Noor
En Mohd Salleh bin Aman @ Ab Rahman

KETUA PENGARANG / GRAFIK

Aizam @ Azlan bin Kadron
(abk_@hotmail.com)

PENGARANG

Cik Mariani binti Md Din
Cik Rosnita binti Saffee
Pn Norhafizah binti Nordin

JURUGAMBAR

En Mohd Salleh bin Aman @ Ab Rahman
En Suhaimi bin Sagi

CETAKAN / EDARAN

En Munif bin Hj Basir

PENERBIT

Pusat Sumber SK PKBP,
Jln Lim Yew Leong, PS 30,
83007 Batu Pahat, Johor D Ta'zim.

Tel: 07- 4341139 Fax: 07- 4342139
E-mel : skpkbatupahat@yahoo.com.my


Sebarang pertanyaan atau sumbangan artikel boleh dialamatkan ke alamat di atas.

Pemakaian Uniform Persatuan Setiap Rabu.

Mulai Mac 2008, pihak sekolah telah menetapkan pemakaian uniform pada hari Rabu setiap minggu dan setiap Isnin minggu ketiga. Sehubungan dengan itu, guru-guru dan murid-murid Tahap 2 dikehendaki memakai uniform tersebut.

**Jadilah Benih Yang Bernas, Seribu Tahun
Dijemur Panas, Digetas Digetus Binatang
Buas, Tetap Tumbuh Mencetus Tunas.**

Dari Meja GURU BESAR



Assalamua 'aikum warchmatullahi wabarakatuh..

Syukur, Alhamdulillah kerana Buletin **SpeEd** SK Pendidikan Khas Batu Pahat akhirnya dapat diterbitkan untuk julung kalinya pada tahun ini. Sebagai makluman, istilah **SpeEd** diambil daripada perkataan "**Special Educatin**" yang bermaksud "Pendidikan Khas".

Buletin **SpeEd** kali ini menyiarkan aktiviti dan program SK Pendidikan Khas Batu Pahat sepanjang Januari 2008. Fokus utama buletin ini ialah guru dan murid-murid yang menjadi tanggungjawab utama pihak sekolah. Buletin ini dijadual akan dikeluarkan setiap bulan. Semoga ianya akan menjadi penyebarkan dan penghubung maklumat antara pihak sekolah dengan ibubapa murid-murid, guru-guru serta masyarakat luar.

Pengerusi-Buletin

GAMBAR-GAMBAR SEKITAR MAJLIS PERLANTIKAN PENGAWAS



Persediaan ikrar pengawas oleh guru disiplin, Cik Balqish binti Selamat.



Pengawas beratur sebelum menerima tali leher daripada guru besar.



Guru Besar, En Ateh bin Salim memakaikan tali leher kepada salah seorang pengawas.



Bacaan ikrar oleh para pengawas.



Guru Besar, En Ateh bin Salim sedang menyampaikan ucapan kepada murid-murid.




Sebahagian daripada murid SKKP BP

DATA GURU, STAF & MURID PADA 01 JANUARI 2008

BUTIRAN	LELAKI				PEREMPUAN				JUMLAH BESAR
	M	C	I	Jum	M	C	I	Jum	
GURU	7	1	-	8	14	1	-	15	23
STAF SOKONGAN	2	-	-	2	3	-	-	3	5
STAF SWASTA	4	-	-	4	2	-	-	2	6
JUMLAH	13	1	-	14	17	1	-	20	34

BIL	TAHUN	LELAKI				PEREMPUAN				JUMLAH BESAR
		M	C	I	Jum	M	C	I	Jum	
1	PRASEKOLAH	-	1	-	1	3	-	-	3	4
2	KKBP	3	2	-	5	3	-	2	5	10
3	1	5	1	-	6	-	-	-	0	6
4	2	4	1	-	5	2	-	-	2	7
5	3	2	-	-	2	1	1	-	2	4
6	4	1	-	-	1	-	-	-	0	1
7	5	4	1	-	5	1	-	-	1	6
8	6	6	1	-	7	2	-	-	2	9
	JUMLAH	25	7	-	32	12	1	2	15	47



Info SpeEd (Bahagian 1)

KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN

dalam Jamila K.A.,2006:60).

Dalam tahun 1980-an, istilah 'masalah pembelajaran' mula digunakan bagi menggantikan istilah 'cacat akal'. Penggunaan istilah masalah pembelajaran diperkenalkan melalui Laporan Warnock bagi merujuk kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Penggunaan istilah ini lebih menjurus kepada yang lebih positif dan mengurangkan keaiban. Istilah *learning disability* dan *learning difficulty* digunakan secara saling berganti bagi menjelaskan, orang yang mempunyai tahap fungsi intelek yang terhad dan sedang berkembang, ataupun berkembang dalam kadar yang lambat berbanding kebanyakan orang lain (Thomas, 1996

Sementara itu, Abdul Rahim Talib (2006:61) menyatakan secara umum, pelajar bermasalah pembelajaran terdiri daripada mereka yang kurang kemampuan belajar disebabkan oleh masalah pemahaman, pertuturan, penulisan dan penyelesaian matematik. Ini tidak termasuk bermasalah pembelajaran disebabkan oleh kerencatan mental, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, gangguan emosi dan tingkah laku. Interaksi sosial dan regulasi sendiri mungkin terjejas akibat daripada masalah pembelajaran.

Berdasarkan kategori masalah pembelajaran yang rencam dengan pelbagai kecacatan,

termasuk terencat akal, down sindrom, autisme, *celebral palsy*, masalah dalam komunikasi dan perkembangan bahasa, bermasalah emosi dan tingkah laku, kecacatan anggota, hiperaktif, hipoaktif, keupayaan mental yang rendah, dan pintar cerdas. Kanak-kanak dengan masalah pembelajaran menghadapi kesulitan dalam interaksi dengan persekitaran, iaitu situasi yang menghalang kemampuan belajar dan pembentukan pemahaman dunia sekitar mereka. Kesulitan ini bukan sahaja akibat perkembangan yang lewat tetapi juga berkaitan dengan kecacatan yang kompleks, daripada segi psikiatri, nerologi, psikologi dan fisiologi yang memberi kesan ke atas fungsi kanak-kanak.

Sumber:

Jamila K.A. Mohamed, (2005) Pendidikan Khas untuk Kanak-Kanak Istimewa, PTS Professional Publishing Sdn Bhd, Batu Caves.
 Abdul Rahim Talib (2006), Pengenaln Pendidikan Kanak-kanak Masalah Pembelajaran, Open University Malaysia, Kuala Lumpur.

GAMBAR-GAMBAR SEKITAR MESYUARAT AGUNG PIBG KE-18 & HARI ANUGERAH CEMERLANG 2007



DARI HALAMAN 3

SENARAI PENERIMA SIJIL BANTUAN PELAJARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KPM) BAGI TAHUN 2008

KWAPM / RMT :	© Mohamad Amirul B Musaini (Tahun 1)	RMT :	© Mohamad Khair Zuhri B Mohamad (Tahun 1)
	© Muhamad Zubair B. Zulkiflee (Tahun 1)		© Muhamad Khairul Azhar B. Mahathir (Tahun 5)
	© Nur Hazlina Bt. Abd. Hamid (Tahun 2)		© Muhammad Najmudin B Jarmi (Tahun 5)
	© Muhamad Nur Zaman B. Wagini (Tahun 5)		
	© Mohd. Amirul B. Yusuf (Tahun 6)		

Dua Guru Baru di SKPKBP

Mulai sesi persekolahan 2008, SKPKBP telah menerima kehadiran dua orang guru baru iaitu En Aizam @ Azlan bin Kadiron dan Cik Mariani binti Mohd Din. Kedua-duanya baru sahaja menamatkan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) tahun 2007 lalu, masing-masing dari Institut Perguruan Bahasa Melayu

Malaysia dan Institut Perguruan Ilmu Khas dalam bidang Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran).

En Aizam berasal dari kawasan Batu Pahat, manakala Cik Mariani berasal dari Setiu, Terengganu. Dengan kehadiran mereka berdua ini, kini SKPKBP mempunyai seramai 23 orang guru. (abk)

DATA GURU & STAF SKPKBP DI HALAMAN 3

